

Malakoff, Gas Malaysia tubuh JVCo O&M

PETALING JAYA: Malakoff Corporation Berhad dan Gas Malaysia Berhad mengumumkan penubuhan syarikat usaha sama (JVCo), Malakoff-Gas Malaysia Cogen O&M Sdn. Bhd. melalui perjanjian usaha sama semalam.

Kerjasama antara dua syarikat utiliti di bawah MMC Group itu akan menyatukan kepakaran dan sumber untuk menjalankan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan (O&M) bagi jana kuasa kogenerasi di Malaysia.

Menurut Malakoff, melalui usaha sama itu, anak syarikatnya, Malakoff Technical So-

lutions Sdn. Bhd. (MTS) akan memegang 51 peratus kepentingan ekuiti manakala baki 49 peratus dimiliki anak syarikat milik penuh Gas Malaysia, Gas Malaysia Ventures 1 Sdn. Bhd.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malakoff, Anwar Syahrin Abdul Ajib berkata, pihaknya optimis usaha sama tersebut akan mempercepat pertumbuhan syarikatnya dalam perniagaan kogenerasi.

"Ini merupakan peluang yang baik untuk Malakoff terus mengembangkan rekod baik dalam segmen perniagaan O&M.

"Kami mengalu-alukan penyeretaan Gas Malaysia sebagai rakan kongsi, memandangkan pengalaman luas mereka dapat membawa lebih banyak peluang dan sinergi kepada JVCo ini," katanya.

Malakoff merupakan kumpulan syarikat perkhidmatan kuasa, air dan alam sekitar multinasional dengan tumpuan terhadap perkhidmatan penjana kuasa, penyahgaraman air, O&M dan alam sekitar.

Gas Malaysia pula syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Pembekalan Gas 1993 untuk membekal dan menjual gas asli

tersaring dan gas petroleum cecair kepada pengguna industri, komersial dan kediaman.

MTS merupakan pembekal perkhidmatan O&M global yang terlatih penuh untuk jana kuasa dan penyahgaraman air.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Ahmad Hashimi Abdul Manap percaya kerjasama tersebut akan memperkukuhkan lagi kedudukan Gas Malaysia dalam pasaran.

"Pakatan strategik telah menjadi elemen penting dalam strategi pertumbuhan jangka panjang kami," katanya.